

Penularan COVID-19

# Solat jemaah rapat saf di Wilayah Persekutuan April

**Kehadiran di surau atau masjid tanpa had usia kepada individu sudah divaksin**

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal dibenarkan di semua surau dan masjid di **Wilayah Persekutuan** selaras dengan negara memasuki Fasa Peralihan Endemik pada 1 April ini.

Kebenaran merapatkan saf itu sudah mendapat perkenan Yang

di-Pertuan Agong dan berdasarkan pelaksanaan garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP) bagi aktiviti ibadat di masjid dan surau.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail, berkata jemaah digalakkan membawa dan menggunakan sejadah sendiri ketika mengerjakan solat di masjid dan surau dengan kehadiran dibenarkan tanpa had usia kepada mereka yang sudah menerima vaksinasi COVID-19.

Katanya, masjid dan surau dibenar melaksanakan solat sunat Tarawih 20 rakaat sepanjang Ramadan, manakala Qiamullail dibenarkan di masjid dan surau bermula tengah malam.

"Majlis berbuka puasa, moreh dan sahur dibenarkan di masjid dan surau, manakala makanan digalakkan disediakan secara

berbungkus," katanya dalam kenyataan media, semalam sambil menambah, aktiviti tadarus al-Quran di masjid dan surau dibenar diadakan pada bila-bila masa bersesuaian dalam kumpulan kecil.

Beliau berkata, semua kebenaran itu tertakluk kepada SOP ditetapkan selaras nasihat Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Diharapkan lebih ramai jemaah dapat mengimarahkan masjid dan surau di Wilayah Persekutuan serta disaran terus bermunajat dan berdoa semoga penularan wabak COVID-19 segera dapat dibendung, seterusnya mendapat perlindungan dan kesejahteraan daripada Allah SWT," katanya.

Umat Islam di negara ini dijangka menyambut Ramadan pada 3 April ini.



# Solat tanpa jarak fizikal mulai 1 April


Tarawih, solat berjemaah dibenarkan di semua surau serta masjid di Wilayah Persekutuan selaras fasa peralihan ke endemik

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**S**olat berjemaah tanpa penjarakan fizikal dan solat sunat tarawih dibenarkan di semua surau serta masjid di Wilayah Persekutuan berkuat kuasa 1 April ini, selaras dengan fasa peralihan ke endemik, demikian menurut Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

Perkara itu antara enam ketetapan baharu yang telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Al-Mustafa Billah Shah, selain berdasarkan garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP)



Jawi memutuskan solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal dibenarkan di semua surau dan masjid di Wilayah Persekutuan mulai 1 April ini.

bagi aktiviti di masjid dan surau. Pengarah Jawi, Datuk Mohd Ajib Ismail berkata, kehadiran ke masjid dan surau turut dibenarkan tanpa had umur bagi individu yang sudah menerima vaksinasi Covid-19.

“Jemaah digalakkan membawa dan menggunakan sejadah sendiri,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, masjid dan surau juga dibenarkan untuk melaksanakan solat sunat tarawih 20 rakaat pada bulan Ramadan selain qiamullail.

“Majlis berbuka puasa, moreh dan sahur dibenarkan untuk

diadakan di masjid dan surau serta makanan digalakkan untuk disediakan secara berbungkus,” katanya.

Beliau berkata, aktiviti tadarrus al-Quran di masjid dan surau boleh dilaksanakan pada mana-mana waktu yang bersesuaian dalam bentuk kumpulan kecil.

“Kesemua kebenaran itu tertakluk kepada SOP yang ditetapkan.

“Semoga lebih ramai jemaah dapat mengimarahkan surau dan masjid seterusnya bermunajat serta berdoa agar penularan Covid-19 dapat dibendung,” katanya.



Bernama

Kuala Lumpur

Solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal dan solat sunat Tarawih dibenarkan di semua surau serta masjid di Wilayah Persekutuan berkuat kuasa 1 April ini selaras dengan Fasa Peralihan Ke Endemik, demikian menurut Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

Perkara itu antara enam ketetapan baharu yang sudah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Al-Mustafa Billah Shah, selain berdasarkan garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP) bagi aktiviti di masjid dan surau.

Pengarah Jawi Datuk Mohd Ajib Ismail dalam kenya-

# Kembali rapat saf solat jemaah, Tarawih

Umat Islam di Wilayah Persekutuan turut dibenar buka puasa di masjid, surau

**6**  
Jumlah ketetapan baharu yang sudah dapat perkenan Agong

taan semalam berkata, jemaah digalakkan membawa dan menggunakan sejadah sendiri ketika hadir untuk menunaikan ibadah di masjid dan surau.

Manakala kehadiran ke masjid dan surau dibenarkan tanpa had umur kepada yang sudah menerima vaksinasi Covid-19.

"Masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan

solat sunat Tarawih 20 rakaat pada bulan Ramadan. Manakala Qiamullail dibenarkan diadakan mulai tengah malam," katanya.

Sementara itu, majlis berbuka puasa, moreh dan sahur juga dibenarkan di masjid serta surau dan makanan digalakkan untuk disediakan secara berbungkus manakala aktiviti tadarus al-Quran

di masjid dan surau dibenarkan pada mana-mana waktu bersesuaian dalam bentuk kumpulan kecil.

"Semua kebenaran itu adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan selaras dengan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Semoga lebih ramai jemaah dapat mengimarahkan masjid dan surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan terus bermunajat dan berdoa agar penularan wabak Covid-19 segera dibendung serta negara Malaysia sentiasa mendapat perlindungan dan kesejahteraan daripada Allah SWT," katanya.



JAWI membenarkan solat jemaah dan Tarawih dilakukan tanpa penjarakan fizikal di semua masjid dan surau.



# Youth entrepreneurs get a boost

## Putrajaya makes 10 more kiosks available for rental

By VIJENTHI NAIR  
vijenthi@thestar.com.my

YOUNG entrepreneurs in Putrajaya who plan to start their own business will get 10 new kiosks to rent this month.

In conjunction with the Federal Territory Day celebrations last month, Putrajaya Corporation (PjC) added six kiosks in the Precinct 9 food court and four more at Souq in Precinct 1.

The initiative is part of the Young City Entrepreneurs programme by Federal Territories Ministry and PjC to encourage youths to start their own businesses when the Covid-19 pandemic started in 2020 and many were struggling to get a job.

So far, there are 105 trading lots offered under the programme in Putrajaya, out of which, five are kiosks.

PjC corporate communication director Norzita Abdul Razak said response to the programme had been encouraging.

She said the opportunity was given to youths between the ages of 18 and 35 who have lost their jobs or had their businesses affected because of the pandemic.

"We hope the budding entrepreneurs will use the kiosks to open franchises that do not require much capital investment.

"Ten more kiosks are expected to be completed by the end of the year, while another 16 kiosks are expected by the end of next year.

"Our target is to offer 161 trading lots by next year," she said.

One of the youths operating at a new kiosk in Precinct 9 is Mohammad Farhan Mohd Sobri, 32.

The former bank employee resigned from his marketing position in July last year because he could not meet the targets set by the employer.

"Marketing during the pandemic was difficult and I was continuously not meeting my monthly targets.

"I was underperforming and

resigned voluntarily, hoping to get a new job.

"I had always thought about running my own business and looked for such opportunities after I quit my job.

"That was when I came to know about the Takoyakibro franchise.

"I became a franchisee and started the business with a stall and an umbrella near the Precinct 9 food court last July under the free trade programme by the ministry.

"It is good to start off as a franchisee because I do not have any knowledge about running a business and will be able to learn under the guidance of the franchise holder, before I decide to embark on something on my own," he elaborated.

He said his *takoyaki* business was doing fairly well and that he was earning more than when he worked at the bank.

"I employ two workers to help me run the kiosk.

"Daily operations are much better now.

"At the kiosk, the business area is much more organised and comfortable.

"When I was operating under an umbrella, we did not have a proper place to put our things," he added.

Another entrepreneur is Nur Zafira Sofiah Md Johan, 30.

She and her sister took the opportunity offered by the free trade programme and started a breakfast stall at Precinct 15 in December 2020.

The kindergarten administrative assistant said the duo decided to supplement their income after seeing pay cuts.

"We also had flexible working hours which enabled us to run the breakfast stall before going to work.

"We stopped operating our stall in December last year and applied for a kiosk.

"PjC has told me that I will be given one near Putra Mosque.

"Since the mosque is a tourist attraction, my sister and I are thinking that we may sell light snacks like *rojak* and *pau*," she added.



Zafira (left), who was running a stall selling breakfast items, will soon be operating a kiosk near Putra Mosque, courtesy of PjC.



Farhan (right) manning his kiosk at the Precinct 9 food court in Putrajaya.